**Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.4(10)**
**Tarikh : 5 Oktober 2020**

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KESILAPAN MENGAKTIFKAN SEMULA NOMBOR GAJI PEGAWAI YANG TELAH TAMAT PERKHIDMATAN (BERSTATUS *WITHDRAWN)***

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat PTJ-PTJ yang telah melakukan kesilapan dengan mengaktifkan semula nombor gaji yang telah dibuat tindakan penamatan disebabkan bersara (49) atau berpindah ke Agensi Kerajaan Lain (45).

3. Untuk makluman tuan/puan, sistem tidak menyekat tindakan kunci masuk perubahan aktif terhadap nombor gaji yang berstatus *withdrawn* ini. Kesilapan ini menyebabkan pembayaran gaji diaktifkan semula dan berterusan sehingga penamatan dilakukan semula.

4. Sehubungan itu, dimohon kerjasama tuan/puan supaya dapat **menyemak Employment Status terlebih dahulu di ZIPY002** untuk memastikan pegawai ini masih berstatus aktif atau tidak sebelum mengunci masuk perubahan di Personnel Action (PA40) dan Maintain Master Data (PA30). Tindakan semakan di ZIPY002 ini dapat mengelakkan PTJ menghadapi masalah emolumen terlebih bayar di mana PTJ perlu membuat kutip balik semula jika ianya berlaku. **Diharapkan tuan/puan berhati-hati semasa melakukan setiap tindakan kunci masuk supaya perkara seperti ini tidak berlaku dan segala kesilapan adalah di bawah tanggungjawab PTJ masing-masing.**

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI**
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PERAK**

1. ZIPY 002 – TINDAKAN PTJ SEBELUM KUNCI MASUK PERUBAHAN




2. KESILAPAN PTJ KUNCI MASUK PERUBAHAN TANPA SEMAKAN DI ZIPY002




**IMPLIKASI**: Gaji dibayar pada bulan September 2020 dan seterusnya sehingga tindakan penamatan dilakukan semula. Pembayaran ini menyebabkan emolumen terlebih bayar. PTJ perlu membuat tindakan kutip semula emolumen tersebut dari pegawai dan perlu membuat tindakan penamatan semula di dalam sistem.